

Fakta utama mengenai upacara pembukaan Olimpik 2024

Astro Awani

26 Julai 2024

Bernama

PARIS: Sukan Olimpik di Paris secara rasmi bermula dengan pertunjukan unik di tengah-tengah Sungai Seine pada Jumaat dan Perancis mempunyai rancangan besar dan misteri untuk upacara pembukaan yang penuh gah, lapor agensi berita Jerman dpa.

Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan upacara ini?

Buat kali pertama dalam sejarah Sukan Musim Panas, upacara pembukaan tidak akan diadakan di stadium. Sebaliknya, lebih daripada 200 delegasi negara akan belayar melintasi Sungai Seine melalui pusat bandar raya Paris dan melewati tempat-tempat seperti Katedral Notre-Dame, Louvre, dan Musee d'Orsay

Perarakan atlet akan bermula pada pukul 7:30 malam (1730 GMT) di Pont d'Austerlitz dan akan mengakhiri laluan sejauh enam kilometer di Trocadero, bersebelahan Menara Eiffel, di mana baki elemen protokol Olimpik dan pertunjukan akhir akan berlangsung, termasuk penyalaan kawah Olimpik.

Masih belum diketahui siapa yang akan menyalakan kawah Olimpik, tetapi menurut laporan, penghormatan ini akan diberikan kepada atlet trek dan padang Perancis dan juara Olimpik tiga kali, Marie-Jose Perec. Bintang bola sepak Zinedine Zidane juga dikatakan sebagai calon.

Perayaan akan dihiasi dengan persembahan muzik dan tarian serta pertunjukan cahaya. Menurut akhbar Parisien, 400 penari dan 3,000 artis akan membuat persembahan - mungkin juga di jambatan-jambatan di atas Sungai Seine.

Penganjur ingin mempersembahkan warisan budaya Perancis dalam 12 babak berbeza. Bintang "skate" dan BMX juga dijangka mengadakan pertunjukan.

Itulah salah satu rahsia terbesar - tetapi terdapat beberapa khabar angin. Menurut laporan, bintang handalan Celine Dion akan membuat persembahan bersama ikon pop Lady Gaga.

Dion telah membatalkan semua tarikh "Courage World Tour" 2023 dan 2024 di Eropah kerana sakit. Persembahan di upacara pembukaan akan menjadi momen istimewa dan emosional untuk beliau dan para peminatnya.

Mereka yang merupakan antara 300,000 orang bertuah yang berjaya mendapatkan tiket, akan mengikuti upacara pembukaan di tebing Sungai Seine. Selain itu, 80 skrin gergasi dan pembesar suara yang ditempatkan secara strategik akan membolehkan peminat menikmati suasana magis pertunjukan di seluruh ibu kota Perancis itu.

Sekitar 120 ketua negara dan kerajaan serta wakil dijangka menghadiri upacara pembukaan, termasuk Canselor Jerman Olaf Scholz dan Wanita Pertama AS Jill Biden. Menurut akhbar Le Parisien, Presiden Ukraine Volodymyr Zelensky tidak akan berada di Paris.

Temasya sukan ini akan dibuka secara rasmi oleh Presiden Perancis Emmanuel Macron.

Keselamatan merupakan aspek penting di Sukan Olimpik di Perancis dan terdapat sekitar 45,000 pegawai keselamatan yang bertugas untuk upacara pembukaan. Ruang udara dalam lingkungan radius 150 kilometer dari Paris akan ditutup untuk malam itu, manakala kawasan Sungai Seine yang akan dilalui perarakan akan ditutup kepada lalu lintas.

-- BERNAMA

© 2024 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-sukan/fakta-utama-mengenai-upacara-pembukaan-olimpik-2024-480678>